

|           |               |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date      | 11/3/2013     |

# BN dapat sambutan meriah

» *Bekas Perdana Menteri minta rakyat Kelantan pilih kerajaan berwibawa*

BH - 11/3/2013

Oleh Khairul Anuar  
Abdul Samad  
krull@bharian.com.my

► Pasir Mas

**K**etibaan Tun Dr Mahathir Mohamad, di Padang Sekolah Menengah Tengku Panglima Raja, Lemal, kelmarin, memberi kenangan istimewa kepada bekas Perdana Menteri itu.

Selain sambutan luar biasa iaitu 20,000 yang hadir, Dr Mahathir disambut dengan kumpulan pembawa 88 pulut semangat; 88 sireh junjung dan 88 bunga manggar sebagai melambangkan usia bapa pembangunan negara itu.

Dianggap sebagai wira negara, Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, diarak dengan menaiki kereta kuda menuju ke pentas utama untuk merasmikan Majlis Perhimpunan Orang Ke-



**Dr Mahathir pada Majlis Perhimpunan Orang Kelantan Naik Angin di Padang SMK Tengku Panglima Raja, Lemal, Pasir Mas, semalam.** [FOTO FATHIL ASRI/BH]

lantan Naik Angin.

Sebaik Dr Mahathir serta kenamaan lain berada di atas pentas, 500 pendikir yang sedang menunggu di hadapan pentas utama, secara serentak mendendangkan lagu *Orang Kelantan Naik Angin*.

Selain Dr Mahathir dan isteri, antara kenamaan turut hadir pada majlis yang dianggap paling meriah di jajahan Pasir Mas tahun ini ialah Pe-

ngerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed serta Presiden PERKASA, Datuk Ibrahim Ali dan Naib Presidennya, Datuk Zulkifli Nordin.

## Sorakan gemuruh

Sambutan itu dianggap luar biasa oleh Dr Mahathir dengan perhimpunan terbesar yang pernah dihidirinya di Kelantan. Ucapannya disambut

dengan sorakan yang menggegarkan persekitaran padang sekolah berkenaan.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berharap dengan sokongan padu seperti diberikan rakyat negeri ini pada majlis itu, rakyat Kelantan seharusnya menukar kerajaan pemerintah dengan memilih BN sebagai kerajaan baru yang lebih berwibawa memajukan negeri serta rakyat.